

**NO. SOALAN: 480**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [ KULAI ]**

**TARIKH :**

**RUJUKAN : 10704**

**SOALAN:**

**Puan Teo Nie Ching [ Kulai ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan tindakan yang telah atau akan diambil terhadap Sunner Group International Berhad, pengarah-pengarah dan ketua pegawai eksekutif syarikat tersebut memandangkan syarikat tersebut telah dikenal pasti oleh PDRM sebagai skim penipuan pelaburan.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pihak PDRM telah menerima sebanyak 146 laporan polis di seluruh negara terhadap syarikat Sunner Group International Berhad berkaitan kes penipuan pelaburan mesin *vending* jalur lebar (*wifi vending machine*) dengan jumlah kerugian sebanyak RM3,272,068.00**

**Pihak PDRM telah membuka 18 kertas siasatan di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan bagi kesalahan penipuan. Pada 9 Ogos 2017, tangkapan telah dilakukan terhadap 2 orang pengarah syarikat yang merupakan suspek utama kes ini serta membuat rampasan terhadap beberapa barangan dan dokumen syarikat tersebut.**

**Setakat ini kedua-dua suspek tersebut telah dituduh melibatkan 2 kertas siasatan di bawah Seksyen 403 Kanun Keseksaan di atas kesalahan menyalahgunakan harta dengan curang.**

**Pihak kerajaan tidak berhasrat untuk mendedahkan maklumat lanjut berhubung kes ini memandangkan ianya masih lagi dalam tindakan dan siasatan pihak polis.**

**Pihak kerajaan ingin mengingatkan masyarakat supaya sentiasa berhati-hati sebelum membuat keputusan untuk menyertai apa-apa pelaburan terutamanya yang menjanjikan pulangan yang tinggi dalam tempoh yang singkat dan membuat semakan *Due***

***Diligence*** terhadap sesebuah syarikat pelaburan dengan pihak berkuasa seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan (KPDNKK), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan lain-lain agensi sebelum membuat sebarang pelaburan.